



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden
DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

Timbalan Presiden
KAPTEN NAJMUDDIN B. MOHD IBRAHIM (B)

Naib Presiden
MEJ. JEN. DATO' MOHD YUNUS B. LONG (B)
SALIZA BT ABDULLAH
MOHAMMAD UBAIDILLAH B. IMAN

Setiausaha Kehormat
KU NORAZMI B. DATO' HJ. IMAM ASMAWI

Bendahari Kehormat
IR. SOFIA BT DATO' IR. JOHARI

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

Penolong Bendahari
DATO' HABIBULLAH B. DATO' HJ AHMAD

Ahli-ahli Jawatankuasa
DATO' HJ. JAAFAR B. HJ MAT
KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)
MOHD YUSOFF B. M DAUD
ADNAN B. ABDULLAH
ADILA B. DATO' ABDULLAH
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL B. ABD RAHMAN
TUDM(B)
MOHAMMED FADZLAN B. MUSTAPA
DATO' DR. BASANT SINGH SIDHU
DATUK ZAIDI B. MOHAMED

Juruaudit Dalamani
MOHD HODORI B. SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi Zon WP Kuala Lumpur
DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR

Pengerusi Zon Selangor
DATUK SHANKER RAJ AYANGER

Pengerusi Zon Johor
DATUK MHD. TAHIR B. MOHD NOAH

Pengerusi Zon Perak
ZAITON BT MOHD NUSI

Pengerusi Zon Kelantan
AFENDI BIN MUKHTAR

Pengerusi Zon Pahang
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

Pengerusi Zon Pulau Pinang
MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

Pengerusi Zon Kedah & Perlis
DATO' PADUKA HJ AB RAHAMAN BIN JAPAR

Pengerusi Zon Melaka
DATO' GAN PENG LAM

Pengerusi Zon Negeri Sembilan
MEJ. MOHD ZAINAL B. JUNI (B)

Pengerusi Zon Sabah
KAPTEN MAZALAN B. FADZIL (B)

Pengerusi Zon Sarawak
SHAHARUDDIN B. SAMSI

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2020(60)

8 DISEMBER 2020

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-60/2020: **PERTUKARAN AHLI LEMBAGA PENGARAH / PEMEGANG SAHAM SYARIKAT** **KAWALAN KESELAMATAN**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. PIKM dimaklumkan, terdapat Ahli-ahli PIKM yang masih melakukan penstrukturan Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham syarikat tanpa kebenaran dan kelulusan Kementerian Dalam Negeri (KDN) terlebih dahulu.

3. KDN melalui Surat Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 1/2006 Para 5, menetapkan "*sebarang pertukaran Pengerusi, Pengarah Urusan/Pengarah Eksekutif, Pengarah atau Pemegang Saham hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Menteri Dalam Negeri dengan menyatakan sebab-sebab pertukaran perlu dibuat*". Berikut dilampirkan maklumat berkaitan.

3.1 Permohonan:

- i. Permohonan dikemukakan menerusi Sistem eSIMS KDN;
- ii. Pemohon lulus tapisan keselamatan;
- iii. Pegangan saham syarikat sebanyak 70% dimiliki oleh Bumiputra;
- iv. Pertukaran syarat utama mesti setara sekiranya kurang daripada 10 tahun di dalam syarikat kecuali melibatkan kes kematian, muflis, atau masalah kesihatan (laporan pengesahan doktor kerajaan diperlukan);
- v. Pegangan saham oleh individu.

3.2 Proses:

KDN akan menyemak dokumen dan juga syarat-syarat pertukaran sebelum dikemukakan kepada Panel Bahagian Keselamatan untuk penilaian.

3.3 Kelulusan:

Surat kelulusan akan dikeluarkan dan kemaskini maklumat di dalam sistem eSIMS dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

4. Sehubungan itu, bersama ini disertakan Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 1 Tahun 2010 untuk maklumat lanjut berhubung garis panduan pertukaran Ahli Lembaga Pengarah / Pemegang Saham Syarikat Kawalan Keselamatan.

5. Ahli-ahli juga diminta untuk memajukan maklumat kelulusan pertukaran kepada PIKM bagi tujuan pengemaskinian rekod Persatuan. Borang kemaskini maklumat boleh didapati di laman web rasmi PIKM di pautan www.pikm.my, pada menu "*For Members*".

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



KU NORAZMI BIN DATO' HJ IMAM ASMAWI
Setiausaha Kehormat

B/P: Presiden



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

PEKELILING AGENSI PERSendirIAN BILANGAN 1 TAHUN 2010

Semua Syarikat Kawalan Keselamatan

PERTUKARAN AHLI LEMBAGA PENGARAH/PEMEGANG SAHAM SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Syarikat Kawalan Keselamatan Persendirian mengenai **Garis Panduan Pertukaran Ahli Lembaga Pengarah/Pemegang Saham Syarikat Kawalan Keselamatan**.

LATAR BELAKANG

2. Kementerian Dalam Negeri telah menetapkan syarat permohonan lesen agensi persendirian di bawah Seksyen 3, Akta Ejenji Persendirian 1971 bagi lesen 2 (a) dan 2 (b). Antaranya adalah:

- 2.1.1 salah seorang pemegang saham terdiri daripada bekas pegawai tinggi Polis Diraja Malaysia yang berpangkat sekurang-kurangnya SAC II yang memegang 30% ekuiti saham syarikat; ATAU
- 2.1.2 salah seorang pemegang saham terdiri daripada bekas pegawai tinggi Angkatan Tentera Malaysia yang berpangkat sekurang-kurangnya Kolonel yang memegang 30% ekuiti saham syarikat; ATAU

- 2.1.3 salah seorang pemegang saham terdiri daripada bekas pegawai awam dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional yang pernah berkhidmat dalam sektor keselamatan sekurang-kurangnya selama lima (5) tahun yang bergred 52 dan memegang 30% ekuiti saham;
DAN
- 2.1.4 pegangan saham syarikat dimiliki oleh bumiputera sebanyak 70%.
3. Kementerian melalui Surat Pekeliling Agensi Persendirian Bil. 1/2006 Para 5, Syarat-syarat Lesen Di Bawah Seksyen 3 Akta N0.27/71 (Lampiran A) yang bertarikh 7 Ogos 2006 menetapkan perkara berikut:
- “sebarang pertukaran Pengerusi, Pengarah Urusan/Pengarah Eksekutif, Pengarah atau Pemegang Saham hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Menteri Dalam Negeri dengan menyatakan sebab-sebab pertukaran perlu dibuat”*
4. Walau bagaimanapun, Kementerian mendapati sejak akhir-akhir ini terdapat kecenderungan syarikat kawalan keselamatan melakukan penstrukturan lembaga pengarah dan pemegang saham syarikat tanpa kebenaran/kelulusan Kementerian seperti:
- 4.1 pengarah/pemegang saham dari kalangan bekas polis atau tentera atau penjawat awam gred 52 ini melepaskan pegangan saham 30% dalam tempoh yang singkat selepas kelulusan lesen agensi persendirian diperoleh;
- 4.2 menukarkan pegangan ekuiti saham individu kepada pegangan saham perbadanan atau syarikat; dan
- 4.3 menjadi pengarah/pemegang saham atau pengurus lebih daripada sebuah agensi persendirian.

GARIS PANDUAN MENGENAI PERTUKARAN AHLI LEMBAGA PENGARAH/PEMEGANG SAHAM SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN

5. Kementerian melihat perkara ini berlaku kerana tiada dasar dan peraturan yang jelas mengenainya menyebabkan syarikat melakukan perubahan lembaga pengarah dan saham tanpa kebenaran dan kelulusan Kementerian terlebih dahulu. Justeru bagi menjamin kawalan ke atas syarikat berterusan maka **Kementerian telah membuat ketetapan berikut:**

- 5.1 sebarang pertukaran pengerusi, pengarah urusan/pengarah eksekutif, pengarah atau pemegang saham hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Menteri Dalam Negeri;
- 5.2 pengarah/pemegang saham dari kalangan bekas polis atau tentera atau penjawat awam gred 52 (sektor keselamatan) perlu berada dalam syarikat sekurang-kurangnya untuk tempoh 10 tahun;
- 5.3 sebarang pertukaran pengarah/pemegang saham dari kalangan bekas polis atau tentera atau penjawat awam gred 52 (sektor keselamatan) yang kurang dari tempoh 10 tahun yang dibenarkan dengan syarat melibatkan kes kematian atau muflis atau masalah kesihatan (pengesahan doktor Kerajaan diperlukan). Pertukaran/penggantian boleh dilakukan kepada waris terdekat atau jika tiada, penggantian boleh dilakukan dengan bekas polis atau tentera atau penjawat awam (sektor keselamatan) sekurang-kurangnya yang sama taraf;
- 5.4 seseorang pengarah/pemegang saham tidak dibenarkan menjadi pengarah/pemegang saham kepada lebih dari sebuah agensi persendirian;
- 5.5 pemilikan ekuiti saham oleh individu;
- 5.6 pegangan saham syarikat dimiliki oleh bumiputera sebanyak 70%; dan
- 5.7 pemilikan saham dan syarikat adalah milik warganegara.

6. Kementerian merasakan bahawa pengekalan pengarah/pemegang saham dari kalangan bekas polis atau tentera atau penjawat awam gred 52 (sektor keselamatan) untuk suatu tempoh masa tertentu adalah bagi menjamin kedudukan mereka daripada digunakan oleh mana-mana pihak untuk tujuan mendapatkan lesen agensi persendirian semata-mata.

7. Kementerian berpendapat bahawa pemilikan saham/syarikat oleh warganegara adalah bagi menjamin kawalan keselamatan tetap berada di tangan rakyat Malaysia. Tambahan pula, matlamat di sebalik penubuhan agensi persendirian ini sebagai *third line* kepada barisan pertahanan negara, malahan dalam keadaan tertentu khidmat agensi persendirian boleh digunakan oleh Kerajaan.

8. Kementerian juga melihat dengan wujudnya dasar ini maka syarikat-syarikat kawalan keselamatan tidak boleh melakukan sebarang penstrukturan syarikat tanpa mendapat kebenaran dan kelulusan terlebih dahulu.

KUASA-KUASA BERKAITAN

9. Pekeliling ini dikeluarkan selaras dengan Seksyen 18, Akta Ejen Persendirian 1971 bagi tujuan mempertingkatkan lagi perkhidmatan syarikat kawalan keselamatan.

10. Kegagalan mematuhi Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 1 Tahun 2010 ini boleh menyebabkan syarikat boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 4 (1), Akta Ejen Persendirian 1971.

TARIKH KUATKUASA

11. Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 1 Tahun 2010 ini berkuat kuasa serta-merta mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI MAHMOOD BIN ADAM)
Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

Tarikh: 6 Januari 2010

Salinan kepada:
Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM)